

01 OCT 1999

UCAPAN DR MAHATHIR DI PBB PERKUKUHKAN KETAHANAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan (BBC) Parlimen Malaysia hari ini berkata ucapan Perdana Menteri di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seharusnya dijadikan asas oleh rakyat Malaysia untuk mengatur strategi memperkukuhkan ketahanan nasional dan kedaulatan negara.

Pengerusinya Ruhanie Ahmad berkata tanpa ketahanan nasional dan kestabilan politik, negara akan terdedah kepada tindakan maharajalela kuasa-kuasa barat menerusi keganasan ekonomi, perdagangan mahupun ketenteraan.

"Kita merasa bangga dengan ucapan yang tegas dan komprehensif oleh Perdana Menteri yang mencakupi senario dunia di alaf mendatang," katanya yang menghubungi Bernama di sini.

Dr Mahathir dalam ucapannya di New York semalam berkata Malaysia merasa terancam dengan cara kuasa-kuasa besar Barat menggunakan tekanan serta apa sahaja peluang untuk melibatkan diri di mana-mana sahaja seperti penglibatan berlebihan di Timor Timur.

Perdana Menteri berkata di mana-mana sahaja pada hari ini, kuasa-kuasa Barat sentiasa berusaha mencetuskan sentimen anti-kerajaan bagi menentang apa yang mereka anggap sebagai pemerintahan kuku besi.

Ruhanie berkata ucapan Dr Mahathir juga seharusnya mendorong semua pihak di negara ini untuk melihat ke depan secara serius dan positif agar negara ini terhindar dari senario malap yang digambarkan oleh Perdana Menteri.

"Di peringkat serantau pula, seluruh anggota rantau ini seharusnya mengukuhkan persahabatan dan persefahaman agar menjadi perisai terhadap kemungkinan kuasa-kuasa besar mengganggu gugat wilayah di sini seperti apa yang sedang berlaku di Timor Timur," katanya.

-- BERNAMA

RV LAT